

Hadits ini hanyalah menunjukkan adanya urusan kekuasaan di tangan Quraisy dan larangan memusuhi mereka. Perkataan Quraisy juga adalah *ism* (kata benda) dan bukan sifat. Dalam istilah ilmu usul disebut *laqab* (jokolan/sebutan). *Maḥmum ism* atau *maḥmum laqab* sama sekali tidak boleh dijadikan dasar suatu perbuatan, kerana *ism* atau *laqab* itu tidak memiliki *maḥmum*. Oleh kerana itu, nas tentang Quraisy tidak mempunyai pengertian bahawa pemerintahan tidak boleh diberikan kepada orang selain Quraisy. Sabda Rasulullah SAW: "Sesungguhnya urusan kekuasaan ini di tangan orang Quraisy", dan "Urusan pemerintahan selalu di tangan Quraisy" tidak bererti bahawa kekuasaan tidak boleh berada di tangan selain Quraisy dan tidak pula bahawa keadaan kekuasaan selalu berada di tangan orang Quraisy itu bererti melarang selain mereka tetapi bermaksud kekuasaan berada di kalangan orang-orang Quraisy dan dibenarkan pula berada pada selain mereka. Jadi nas tentang Quraisy tidak mencegah munculnya pemimpin dari selain mereka di dalam kekhilafahan. Dengan demikian syarat Quraisy adalah syarat keutamaan, bukan syarat sah terwujudnya akad khilafah.

Rasulullah SAW sendiri pernah mengangkat Abdullah bin Rawahah, Zaid bin Haritsah, dan Usamah bin Zaid menjadi amir. Sedangkan mereka semua bukan orang Quraisy. Kata "Hadzal amri" bererti "wilayah amri", iaitu pemerintahan secara umum bukan khusus ditujukan kepada khilafah saja. Jadi tindakan Rasulullah SAW mengangkat orang selain Quraisy menjadi pimpinan itu menjadi dalil bahawa kekuasaan memerintah tidak terbatas di kalangan Quraisy saja dan tidak terlarang bagi selain mereka. Imam Bukhari pernah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:

"Dengarlah dan taatilah oleh kalian, sekalipun yang memerintah kalian adalah seorang budak Habsyi seakan-akan kepalanya seperti buah anggur kering".

Sedangkan Imam Muslim meriwayatkan dari Abu Dzar yang berkata:

"Kekasihku (Nabi SAW) telah mewasiatkan kepadaku agar aku mendengarkan dan mentaati (pemimpin) sekalipun dia seorang budak yang cacat anggota tubuhnya."

Dalam riwayat lain,

"Jika dikuasakan kepada kalian seorang hamba yang cacat lagi hitam, lalu dia memimpin kalian kepada Kitab Allah, maka dengar dan taatlah kalian kepadanya".

Hadits-hadits ini merupakan nas yang jelas akan bolehnya seorang budak hitam menjadi pemimpin kaum muslimin. Sehingga hadits ini dapat di jadikan dalil bahwa khilafah atau *Wilayahul Amri* dapat dipegang oleh orang-orang yang bukan Quraisy, bahkan bukan orang Arab sekalipun. Jadi hadits-hadits tentang Quraisy di atas hanya menyebut sebahagian dari orang-orang yang berhak menjadi khalifah, demi menunjukkan keutamaan mereka, namun bukan bererti khalifah dibatasi pada mereka saja dan tidak boleh kepada selain mereka.

Demikian pula tidak di syaratkan bahawa khalifah harus keturunan Bani Hasyim atau keturunan Ali, kerana telah terbukti bahawa Nabi SAW pernah mengangkat pemimpin yang bukan dari Bani Hasyim atau keturunan Ali RA. Pada saat Perang Tabuk beliau mengangkat Muhammad bin Maslamah untuk memimpin Madinah, sedangkan dia bukan dari Bani Hasyim ataupun keturunan Ali. Beliau juga pernah mengangkat Muadz bin Jabal dan Amr bin As sebagai amir di Yaman, sedangkan keduanya bukan dari Bani Hasyim mahupun keturunan Ali. Terbukti pula secara pasti bahawa kaum muslimin telah membai'at Abu Bakar, Umar, dan Utsman, di mana Ali termasuk orang yang membai'at ketiga khalifah itu, sedangkan mereka semua bukan berasal dari Bani Hasyim. Dan para sahabat pun tidak mengingkari bai'at tersebut, sehingga terjadilah ijma' sahabat tentang sahnya pengangkatan khalifah selain dari Bani Hasyim dan Bani Ali termasuk yang berijma' dalam hal ini ialah Ali, Ibnu Abbas, dan seluruh Bani Hasyim. Adapun hadits-hadits yang berkenaan dengan keutamaan Ali dan Ahlul Bait adalah sekadar menunjukkan keutamaan mereka, bukan menunjukkan persyaratan bahwa khalifah harus dari kalangan mereka.

Dengan demikian jelaslah bahawa tidak terdapat suatu dalil pun yang menunjukkan persyaratan sahnyanya khalifah kecuali tujuh di atas. Selain daripada itu, sekiranya benar dalilnya, hanyalah bersifat *afdaliyah*. Apa yang diminta oleh syara' hanyalah syarat terwujudnya akad khilafah pada seseorang yang menjadi calon khalifah. Selain syarat tersebut, akan disampaikan kepada kaum muslimin agar mereka dapat memilih calon khalifah yang lebih utama. Namun, siapa saja yang dipilih oleh kaum muslimin akad khilafahnya sah jika memenuhi syarat in'iqad (terwujudnya akad) khilafah, walaupun tidak memenuhi syarat-syarat lain (syarat *afdaliyah*). Wallahu 'alam



Menggilap Permata Islam

AL-JAWAHIR

Bil 22/2000

23 Jun 2000

Edisi Mingguan

<http://islamika.tripod.com>

iinds@yahoo.com

KETUA NEGARA:

Antara syarat dan Keutamaan

Pergolakan politik umat dewasa kini tidak dapat dihindari daripada kekeliruan dan ketidakanjelasan dalam pelbagai aspek politik Islam yang sebenar. Keadaan seumpama ini telah banyak terjadi di kalangan umat Islam sendiri tidak kira di mana mereka berada. Ketidakejelasan dan kekeliruan ini termasuklah dalam mengenalpasti Sistem pemerintahan Islam yang sebenar dan thariqah (metod) perjuangan dalam menegakkan semula Daulah Islam. Begitu juga dalam persoalan kelayakan menjadi seorang ketua negara (yakni Khalifah yang satu dalam Daulah Islam). Jadi tidak hairanlah kenyataan yang berbentuk umum yang diucapkan oleh Perdana Menteri (Malaysia) salah sebuah negeri kaum muslimin yang mengatakan bahawa satu hari, seseorang bukan Melayu boleh menjadi Perdana Menteri mengejutkan rakyat negeri ini, baik di kalangan orang Melayu atau bukan Melayu. [UM 18/6/2000]. Persoalannya, siapakah yang layak menjadi pemimpin? Apakah syarat untuk menjadi seorang khalifah? Berdasarkan isu ini AJ akan cuba membawakan secara ringkas perbincangan syarat dan keutamaan untuk menjadi Ketua Negara (Khalifah) yang akan memayungi seluruh negeri-negeri kaum muslimin di seluruh dunia di bawah satu sistem pemerintahan Islam iaitu Sistem Khilafah minhaj an nubuwah. Semoga sedikit perbincangan ini akan membuka dan menjernihkan semula pemahaman kita terhadap persoalan yang ditimbulkan.

Islam dan Perbezaan kaum

Islam adalah Ideologi yang berdasarkan aqidah yang mantap dan kukuh. Atas aqidah ini jualah kaum muslimin diikat dengan satu ikatan yang sama tanpa wujudnya perbezaan antara kaum, bangsa, warna kulit mahupun status hiraknya. Tolok ukur antara sesama muslimin ialah sedalam mana ketaqwaan individu muslim itu kepada Allah. Dalam soal penghakiman atau penghukuman, tidak timbul persoalan perbezaan hukuman yang dikenakan baik individu itu mempunyai hiraki yang tinggi di kalangan kaum muslimin atau tidak. Hukuman yang dijalkan adalah sama tanpa keistimewaan. Begitu jualah dalam persoalan lain termasuklah soal kepimpinan tidak dibezakan mengikut warna, bangsa mahupun suku asalkan individu tersebut adalah muslim. Jika merujuk kepada penjelasan

ringkas ini maka sesiapaupun layak untuk menjadi pemimpin atau ketua negara (Khalifah) baik ianya dari kaum India mahupun Cina dengan syarat mereka beraqidahkan Islam dan bergelar muslim.

Syarat Menjadi Khalifah

Dalam persoalan perlantikan seorang Ketua Negara yakni Khalifah yang akan mentadbir Daulah Islam maka ada tujuh syarat yang perlu diperhatikan. Tujuh syarat ini akan memastikan agar seseorang yang dilantik berhak menjadi khalifah dan sah aqad khilafahnya. Ketujuh syarat ini disebut *syuruth in'iqad* iaitu syarat-syarat yang mengesahkan seseorang menjadi khalifah. Jika kurang salah satu dari syarat tersebut, maka dia dianggap tidak sah menjadi khalifah. Ketujuh syarat itu adalah sebagai berikut:

Penyalinan/penerbitan semula artikel ini amat dialu-alukan. Semoga usaha anda dapat mengembangkan dakwah Islam dan mendapat keredhaan Allah SWT. Tiada Hakcipta (Copyright) di dalam Islam.

Sebarang pertanyaan atau komen, sila e-melkan ke iinds@yahoo.com (<http://islamika.tripod.com>)

Al Jawahir diterbitkan dan disebarluaskan oleh International Islamic & Development Studies (IINDS)

(1) **Muslim.**

Tidak dibenarkan khilafah diserahkan kepada orang kafir secara mutlak dan tidak wajib ditaati oleh kaum muslimin kerana Allah SWT berfirman:

"(Dan) Allah sekali-kali tidak akan menjadikan jalan bagi orang-orang kafir untuk menguasai orang-orang mukmin" (an-Nisaa': 141)

Pemerintahan adalah jalan yang paling ampuh bagi penguasa untuk mengatur pihak yang dikuasai. Penggunaan kata "lan" yang bererti peniadaan untuk selamanya merupakan isyarat adanya larangan keras bagi orang kafir menduduki proses pemerintahan secara mutlak, baik kedudukan khalifah mahupun posisi pemerintahan di bawahnya.

(2) **Lelaki.**

Seorang perempuan tidak boleh menjadi khalifah. Diriwayatkan dari Abi Bakrah yang berkata:

"Sungguh Allah SWT telah memberiku manfaat dari kata-kata yang pernah kudengar dari Rasulullah SAW pada saat Perang Jamal, setelah semula hampir saja aku mengikuti tentera Jamal (dipimpin 'Asiyah yang mengendarai unta) dan berperang di pihak mereka" lalu ia melanjutkan, "Ketika sampai berita kepada Rasulullah SAW bahawa bangsa Persia telah mengangkat puteri Kisra sebagai Ratu, beliau bersabda, "Tidak akan pernah beruntung suatu kaum yang menyerahkan urusan kekuasaan/pemerintahan mereka kepada seorang wanita".

Pemberitaan Rasulullah SAW bahawa suatu ummat tidak akan memperoleh keuntungan apabila melantik seorang wanita sebagai penguasa merupakan larangan melantik seorang wanita sebagai penguasa sebab pemberitaan tersebut termasuk diantara bentuk-bentuk *thalab* (tuntutan hukum). Oleh kerana bentuk pemberitaan tersebut mengandungi *dzam* (celaan), maka hal ini merupakan indikasi yang menunjukkan adanya larangan tegas sehingga larangan melantik seorang wanita untuk jawatan kekuasaan di sini disertai dengan indikasi yang menunjukkan tuntutan meninggalkan perbuatan tersebut secara pasti. Jadi, melantik seorang wanita sebagai penguasa adalah haram. Apa yang dimaksudkan dengan larangan melantik seorang wanita menjadi penguasa di sini ialah menduduki jabatan khilafah dan jabatan-jabatan kekuasaan di bawahnya sebab yang dibicarakan di sini ialah perlantikan puteri Kisra sebagai ratu yang berkuasa. Jadi persoalannya adalah khusus

persoalan pemerintahan, bukan khusus mengenai kejadian perlantikan puteri Kisra saja, tetapi bukan pula umum mencakup segala sesuatu. Oleh kerana itu tidak mencakup hal-hal selain pemerintahan.

(3) **Baligh.**

Tidak boleh dilantik seorang anak (kecil) menjadi khalifah sebab ada riwayat hadits dari Ali bin Talib radiyallahu anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Telah diangkat pena (tidak dibebankan hukum) atas orang yang tidur hingga bangun, atas seorang anak kecil hingga baligh dan orang gila sampai akalinya kembali".

Sesiapa saja yang dilantik pena atasnya, dengan sendirinya tidak sah mengurus perkeranya dan dia tidak dibebani hukum menurut syara'. Jadi ia tidak sah menjadi khalifah ataupun menjadi penyandang yang memiliki kekuasaan lantaran dia tidak mampu mengatur urusan. Dalil lainnya adalah bahawa Rasulullah SAW pernah menolak seorang anak yang hendak membai'at beliau iaitu ketika beliau SAW menolak bai'at Abdullah bin Hisyam dan memberikan alasan kerana dia masih kecil. Beliau bersabda: "Dia masih kecil". Jika bai'at tidak sah apabila diberikan oleh anak kecil dan dia pun tidak boleh membai'at orang lain sebagai khalifah, maka lebih utama lagi ia tidak boleh bai'at menjadi khalifah.

(4) **Berakal.**

Tidak sah orang gila menjadi khalifah berdasarkan sabda Nabi SAW:

"Telah diangkat pena (tidak dibebankan hukum) atas tiga orang" yang diantaranya "orang gila sampai ia sembuh".

Siapa saja yang telah diangkat pena atasnya, maka dia tidak termasuk seorang mukallaf kerana akal menjadi *manath* (tempat) pembebanan hukum dan menjadi syarat sahnya mengatur berbagai urusan sedangkan tugas seorang khalifah adalah mengatur urusan pemerintahan dan melaksanakan perintah-perintah syara', maka tidaklah sah kalau khalifah itu orang gila.

(5) **Adil.**

Iaitu orang yang *istiqamah* (konsisten) dalam menjalankan agamanya (bertaqwa dan menjaga muru'ah). Maka tidak sah seorang fasik dilantik menjadi khalifah. Adil adalah syarat yang harus dipenuhi untuk perlantikan khalifah dan untuk keberlangsungannya sebab Allah SWT telah mensyaratkan pada seorang saksi dengan syarat 'adalah (adil). Allah SWT berfirman:

"Hendaknya menjadi saksi dua orang yang adil dari kamu sekalian".

Kedudukan khalifah tentu saja lebih besar dari pada sekadar seorang saksi. Oleh kerananya lebih utama memiliki syarat adil sebab kalau pada seorang saksi saja ditetapkan syarat adil, tentu lebih utama jika syarat itu diharuskan bagi seorang khalifah.

(6) **Merdeka.**

Seorang hamba sahaya tidak sah menjadi khalifah kerana dia adalah milik tuannya sehingga dia tidak memiliki kekuasaan untuk mengatur, bahkan dirinya sendiri. Dengan demikian tidak layak untuk mengurus orang lain, apatah lagi menjadi penguasa atas manusia.

(7) **Mampu melaksanakan amanat khalifah**

Perkara ini termasuk syarat yang dituntut oleh bai'at. Jadi tidak sah bai'at seorang yang tidak sanggup menerima amanat khilafah.

Inilah syarat-syarat yang mengesahkan terwujudnya *akad khilafah*. Selain ketujuh syarat ini tidak ada syarat lain yang layak dijadikan syarat *in'iqad* meskipun mungkin saja menjadi *syuruth afdaliyyat* (keutamaan). Syarat *afaliyyah* (keutamaan) ini boleh ditetapkan jika didukung oleh nas-nas yang sahih atau termasuk dalam kategori hukum yang ditetapkan dengan nas yang sahih. Hal itu kerana syarat-syarat terwujudnya *akad khilafah* untuk khalifah itu harus memiliki dalil yang mengandungi tuntutan yang tegas yang mengisyaratkan wajibnya syarat tersebut. Oleh kerana itu, jika sesuatu dalil tidak mengandungi perintah yang tegas, maka persyaratan itu akan menjadi syarat *afdaliyyah* (keutamaan), bukan syarat *in'iqad* (sah *akad khilafah*). Tidak terdapat satu dalil pun yang menunjukkan perintah tegas selain tujuh syarat ini. Oleh kerana itu, tujuh syarat ini sajalah yang menjadi syarat sah *akad khilafah*. Selain tujuh syarat itu menjadi syarat *afdaliyyah* (keutamaan) semata.

Atas dasar ini, untuk pengesahan *akad khilafah* tidak disyaratkan bahawa khalifah itu harus seorang *mujtahid* sebab dalam hal ini tidak ada nash yang sahih. Juga, kerana tugas khalifah adalah tugas pemerintahan, yakni pelaksana hukum semata. Tugas ini tidak mengharuskan khalifah melakukan *ijtihad*, sebab dia boleh bertanya dan *bertaklid* kepada seorang *mujtahid*, serta *mentabanni* (menerimapakai) hukum-hukum berdasarkan taklidnya. Jadi tak ada keharusan khalifah itu seorang *mujtahid*. Namun memang lebih utama khalifah itu hendaknya seorang *mujtahid*. Kalaupun dia bukan seorang *mujtahid*, *akad khilafah* tetap boleh diwujudkan.

Untuk Analisis, Berita, Perkembangan terkini dan E-Mel Percuma sila kunjungi laman International Islamic & Development Studies (IINDS) (<http://islamika.tripod.com>)

Demikian pula tidak disyaratkan bahawa khalifah itu harus seorang yang berani dan ahli politik yang ulung yang hebat dalam mengatur rakyat dan kepentingan-kepentingan lain, kerana tidak ada hadits yang sahih untuk itu. Ketentuan dua syarat ini tidak termasuk kategori hukum *syara'* yang menjadikannya sebagai syarat *in'iqad*, walaupun yang lebih utama khalifah adalah orang yang bersifat berani dan seorang ahli politik yang ulung.

Khalifah tidak disyaratkan ke atas suatu pihak

Seorang khalifah juga tidak disyaratkan harus dilantik daripada keturunan Quraisy ataupun mana-mana keturunan, suku kaum, bangsa atau warna kulit. Mungkin ada yang akan mempersoalkan hal ini berdasarkan kepada hadits yang diriwayatkan oleh Mu'awiyah bahawasanya beliau berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

"*Sesungguhnya urusan kekuasaan ini di tangan orang Quraisy, siapa saja yang memusuhi mereka pastilah Allah akan membuatnya jatuh tersungkur, selama masih menegakkan (hukum-hukum) Diin (Islam) ini*"

Ibnu Umar berkata: Rasulullah SAW bersabda: "*Kekuasaan ini selalu berada di Quraisy, selama masih ada dua orang di antara mereka*".

Hadits-hadits ini dan yang serupa dengannya - dari hadits-hadits yang sah sanadnya sampai kepada Rasulullah SAW tentang pemerintahan yang diberikan kepada Quraisy - adalah hadits-hadits yang berbentuk *ikhbar* (berita) dan tidak ada satu pun di antaranya yang berbentuk perintah. Bentuk *ikhbar* (berita) walaupun mengandungi tuntutan (*thalab*) tetapi tidak dianggap tuntutan secara pasti selama tidak dinyatakan dengan suatu *qarinah* (isyarat) yang menunjukkan penegasan sedangkan hadits-hadits yang ada dalam hal ini tidak disertai *qarinah* (isyarat) apapun. Dengan demikian maka hadits-hadits di atas menunjukkan perintah *sunnah*, bukan wajib. Kesimpulannya persyaratan Quraisy itu sebagai syarat keutamaan, bukan syarat terwujudnya *akad khilafah*.

Adapun sabda Nabi SAW dalam hadits: "*... siapa saja yang memusuhi mereka maka Allah akan membuatnya jatuh tersungkur dan seterusnya...*" adalah nas yang bermakna lain, iaitu larangan memusuhi mereka, bukan sebagai penguat sabda Nabi SAW, "*inna hadzal amru fii quraisy*" (sesungguhnya urusan kekuasaan ini ada pada orang Quraisy).